

PENDIDIKAN AKIDAH SEBAGAI ASAS PERMUFAKATAN DALAM SAMBUTAN PERAYAAN SAUDARA BARU

AQIDAH EDUCATION AS THE FOUNDATION OF SOCIAL COHESION IN FESTIVE CELEBRATIONS AMONG NEW CONVERTS

Qurratu Aini Zulfikri¹
Azarudin Awang²
Azman Che Mat³
Mohd Marbawi Taha⁴
Izra Hassan⁵

¹Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu, Malaysia (e-mail: qurratuainizulfikri97@gmail.com)

²Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu, Malaysia (e-mail: azaru154@uitm.edu.my)

³Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu, Malaysia (e-mail: azman531@uitm.edu.my)

⁴Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu, Malaysia (e-mail: mohdmarbawi@uitm.edu.my)

⁵Universiti Al-Azhar, Mesir (email: izramokhtar96@gmail.com)

Article history

Received date : 9-5-2026

Revised date : 10-5-2026

Accepted date : 1-6-2026

Published date : 20-6-2026

To cite this document:

Zulfikri, Q. A., Awang, A., Che Mat, A., Taha, M. M., & Hassan, I. (2026). Pendidikan akidah sebagai asas permufakatan dalam sambutan perayaan saudara baru. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 427 – 435.

Abstrak: *Setiap agama mempunyai perayaan tersendiri yang melibatkan adat dan amalan keagamaan. Dalam Islam, umatnya dilarang meniru atau menyertai perayaan agama lain yang boleh menjejaskan akidah. Bagi saudara baru, cabaran timbul apabila mereka masih berinteraksi dengan keluarga bukan Islam dalam konteks sambutan perayaan. Sehubungan itu, kajian ini meneliti peranan akidah dalam membimbing sambutan perayaan serta kesannya terhadap keharmonian komuniti saudara baru. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan dan temu bual separa berstruktur terhadap lima orang muallaf yang dipilih secara persampelan bertujuan. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti aspek kefahaman akidah, cabaran sambutan perayaan dan interaksi sosial. Dapatan menunjukkan bahawa kefahaman akidah yang mantap membantu saudara baru menyambut perayaan selaras dengan ajaran Islam tanpa menjejaskan hubungan sosial. Selain itu, pendidikan akidah dan sokongan komuniti turut menyumbang kepada pembentukan permufakatan dan keharmonian.*

Kata kunci: *Akidah, Sambutan Perayaan, Keharmonian, Komuniti Saudara Baru, Islam*

Abstract: *Every religion has its own festivals involving specific customs and religious practices. In Islam, followers are prohibited from imitating or participating in the festivals of other religions, as this may undermine their faith (aqidah). For new converts (muallaf), challenges arise when they continue to interact with their non-Muslim families within the context of festive celebrations. Accordingly, this study examines the role of aqidah in guiding festive celebrations and its impact on the harmony of the new convert community. This study*

employs a qualitative approach through literature analysis and semi-structured interviews with five muallaf selected through purposive sampling. The data were analyzed thematically to identify aspects of aqidah understanding, challenges of festive celebrations, and social interaction. The findings indicate that a strong understanding of aqidah helps new converts celebrate festivals in accordance with Islamic teachings without compromising social relationships. Additionally, aqidah education and community support contribute to the formation of mutual understanding and harmony.

Keywords: *Aqidah, Festive Celebrations, Harmony, New Convert Community, Islam*

Pengenalan

Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk penghayatan dan kefahaman individu terhadap ajaran Islam, khususnya dalam kalangan komuniti muallaf, yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan bangsa (Kamus Dewan Edisi Kelima, 2015). Dalam *Lisan al-Arab* karangan Ibn Manzur (1290/2004), istilah *muallaf* berasal daripada akar kata *al-lafa*, yang bermaksud menghimpunkan atau menyatukan sesuatu. Ia juga mencerminkan bagaimana Islam sebagai rahmat yang sempurna dari Allah SWT bukan sahaja membimbing umat Islam, tetapi juga merangkumi seluruh makhluk, termasuk mereka yang baru menerima hidayah Islam (Muhammad Shahrulnizam Muhadi, 2021).

Sememangnya, akidah merupakan tunjang utama dalam kehidupan seorang Muslim, bukan sekadar pegangan kepercayaan, tetapi juga membentuk pelbagai aspek kehidupan, termasuk sosial dan budaya. Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti saudara baru adalah bagaimana kaedah yang terbaik menyesuaikan diri dengan sambutan perayaan dalam persekitaran sosial mereka dan dalam masa yang sama memastikan akidah Islam sentiasa terpelihara. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan akidah dalam menentukan garis panduan sambutan perayaan serta kesannya terhadap permuafakatan dalam kalangan saudara baru.

Tuntasnya, akidah Islam mencerminkan komitmen seorang Muslim dalam menjalani kehidupan, berfungsi sebagai panduan utama dalam menghadapi pelbagai cabaran, termasuk dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial (Siti Sa'adiah, 2009). Bagi komuniti saudara baru, akidah bukan sahaja menjadi asas pegangan dalam beribadah, tetapi juga membantu mereka menyesuaikan diri dengan perubahan budaya dan amalan, termasuk dalam meraikan perayaan keluarga asal dengan berpandukan hidayah dan petunjuk Islam.

Kajian Literatur

Konsep Akidah Dalam Islam Dan Kepentingan Akidah

Islam diturunkan oleh Allah SWT melalui wahyu sebagai pegangan, panduan, dan pedoman hidup bagi seluruh umat manusia. Ia mengandungi segala aspek yang diperlukan oleh manusia, baik untuk keperluan di dunia mahupun di akhirat. Allah SWT yang Maha Esa, dengan kuasa penuh-Nya terhadap alam ini, sangat diperlukan oleh manusia agar akidah mereka jelas dan mudah difahami. (PERKIM, 2021).

Akidah dalam Islam merujuk kepada kepercayaan asas yang wajib dipegang oleh setiap Muslim. Ia merangkumi kepercayaan kepada Allah, Rasul, kitab-kitab suci, malaikat, hari akhirat, serta qada' dan qadar. (PERKIM, 2021). Justeru, akidah yang kukuh berperanan

membimbing individu dalam menentukan tindakan yang selari dengan prinsip Islam. Dalam konteks sambutan perayaan, akidah menjadi asas dalam menentukan bentuk perayaan yang dibenarkan dalam Islam serta sejauh mana seseorang Muslim, khususnya saudara baru, boleh berinteraksi dalam perayaan yang mungkin bertentangan dengan prinsip Islam.

Perkataan "akidah" berasal daripada perkataan Arab *al-'aqd*, yang bermaksud ikatan yang kuat dan kukuh, tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Ia juga digunakan dalam makna perjanjian dan pengukuhan sumpah. Dari sudut istilah, akidah merujuk kepada ketetapan hukum yang diperoleh melalui akal, bergantung kepada tahap kepastiannya, sama ada sesuatu itu benar atau salah. Jika akal menetapkan sesuatu sebagai kebenaran mutlak, maka akidah itu dianggap sahih. Contohnya, kepercayaan orang Islam terhadap keesaan Allah adalah satu bentuk akidah yang sahih. (Siti Sa'adiah, 2009).

Dari sudut istilah syarak, akidah merujuk kepada keyakinan yang teguh terhadap Allah S.W.T, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat serta kepercayaan kepada qada' dan qadar, sama ada yang baik mahupun buruk (Sayed Sabiq, 2011). Para ulama Islam turut memberikan pelbagai definisi berkaitan akidah. Antaranya, Sayed Sabiq (2011) menjelaskan bahawa akidah ialah kepercayaan yang diyakini sepenuhnya tanpa sebarang keraguan. Beliau juga menyamakan pengertian akidah dengan iman, iaitu membenarkan dengan penuh keyakinan. Selain itu, beliau berpandangan bahawa penanaman akidah dalam jiwa merupakan pendekatan pendidikan yang paling berkesan kerana mampu membentuk kekuatan dalaman dalam diri manusia.

Dalam konteks mualaf, mereka merupakan golongan yang baru berinteraksi dengan asas-asas akidah Islam, justeru memerlukan bimbingan dan penjelasan yang jelas melalui pengajaran yang tersusun. Pendidikan akidah memainkan peranan penting sebagai asas dalam membentuk keyakinan terhadap keesaan Allah S.W.T, mendorong pengabdian diri kepada-Nya serta melahirkan insan soleh yang memahami tujuan kehidupan di dunia (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Oleh itu, mualaf mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pendidikan akidah kerana tanpa pemahaman yang kukuh, mereka berisiko mengalami kekeliruan dan ketidakstabilan dalam memahami Islam sebagai satu sistem kehidupan (*al-din*).

Selain itu, pendidikan akidah yang mendalam akan membawa kepada penghayatan Islam secara menyeluruh dan menjadi asas utama dalam pembinaan sahsiah Muslim. Ia merupakan teras kepada penerimaan amalan seseorang di sisi Allah S.W.T. Sekiranya seseorang Muslim tidak memahami serta menghayati nilai-nilai akhlak dengan baik, maka amalan tersebut tidak mencapai kesempurnaan. Oleh itu, penanaman akidah yang mantap dalam diri mualaf amat penting agar mereka dapat merasai keindahan Islam serta mencapai ketenangan jiwa dalam kehidupan beragama. (Ahmad Yunus Kasim, 2017).

Sambutan Perayaan dalam Islam

Hari Raya merupakan waktu kegembiraan dan keceriaan bagi umat Islam. Ia adalah nikmat bagi orang yang beriman di dunia, seumpama seorang hamba yang dibebaskan oleh tuannya setelah berjaya melaksanakan segala perintah yang diberikan. Bagi orang yang beriman, kegembiraan ini hadir bersama ganjaran pahala atas segala amalan mereka, sebagai tanda keteguhan dalam menunaikan perintah Allah SWT. (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Hal ini selaras dengan firman-Nya:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad), kedatangan al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya) kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan daripada segala benda dan perkara yang tidak kekal."

Surah Yunus: 58

Dalam Islam, terdapat dua perayaan utama yang disyariatkan, iaitu Aidilfitri dan Aidiladha. Kedua-dua perayaan ini bukan sahaja merupakan hari kegembiraan, tetapi juga manifestasi ketaatan kepada Allah SWT. Berbanding dengan perayaan lain yang bersifat kebudayaan atau keagamaan selain Islam, umat Islam perlu memahami garis panduan yang telah ditetapkan bagi memastikan sambutan perayaan tidak bercanggah dengan akidah mereka.

Melakukan kebaikan kepada golongan bukan Islam adalah suatu tuntutan dalam Islam. Namun, usaha tersebut tidak boleh bertentangan dengan prinsip akidah Islam. Menghadiri atau turut serta dalam upacara perayaan keagamaan bukan Islam adalah tidak dibenarkan kerana ia melibatkan amalan ritual agama mereka. Ini termasuk perbuatan *tasyabbuh* (menyerupai amalan agama selain Islam), yang dilarang dalam Islam. (JAKIM, 2017).

Dalam Islam, terdapat ketetapan hukum yang jelas berkaitan penglibatan muafak dalam perayaan agama ahli keluarga bukan Islam. Para fuqaha telah bersepakat bahawa umat Islam diharamkan menyertai atau menyambut perayaan agama lain yang mempunyai unsur ritual keagamaan (al-Shafi'i, 1990; Ibn al-Qayyim, t.th.; Ibn Qudāmah, 1994).

Namun, menghadiri majlis sambutan atau rumah terbuka yang dianjurkan oleh bukan Islam, selagi ia tidak membabitkan sebarang upacara ritual keagamaan, adalah dibenarkan. Kehadiran ini boleh dilakukan sekiranya ada keperluan, seperti hubungan kekeluargaan, kejiranan, atau kepimpinan masyarakat, dengan tujuan menjaga kemaslahatan serta kepentingan dakwah. Walau bagaimanapun, ia harus dilakukan tanpa meredai atau mengiktiraf sebarang bentuk amalan yang membawa kepada kekufuran. (JAKIM, 2017).

Permuafakatan Komuniti Saudara Baru dalam Sambutan Perayaan

Konsep permuafakatan merujuk kepada suatu bentuk kerjasama yang melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak yang saling berinteraksi bagi mencapai matlamat yang dipersetujui bersama (Friend & Cook, 2007). Menurut Gulson (2013), permuafakatan ialah interaksi antara dua pihak atau lebih yang berlaku secara sukarela, dengan tujuan untuk bekerjasama dalam usaha merealisasikan objektif yang sama.

Komuniti saudara baru sering menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, terutama dalam aspek sosial seperti sambutan perayaan. Bagi mereka yang berasal dari latar belakang bukan Islam, pengaruh budaya dan adat lama yang berkaitan dengan perayaan tertentu mungkin masih kuat. Oleh itu, bimbingan yang jelas diperlukan bagi membantu mereka memahami bagaimana akidah Islam membentuk cara mereka menyambut perayaan tanpa menjejaskan hubungan sosial dengan keluarga dan masyarakat asal mereka. Permuafakatan dalam komuniti saudara baru dapat dicapai melalui beberapa pendekatan utama, antaranya:

1. **Pendidikan Akidah** – Saudara baru perlu diberikan bimbingan tentang asas akidah Islam, termasuk batasan dalam menyertai perayaan yang bukan sebahagian daripada ajaran Islam.

2. **Sokongan Komuniti** – Masjid dan pusat dakwah memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan moral dan sosial agar saudara baru tidak berasa terpinggir, terutama ketika musim perayaan.
3. **Alternatif Sambutan** – Masyarakat Islam boleh menawarkan alternatif sambutan perayaan yang mengekalkan hubungan kekeluargaan tanpa bercanggah dengan ajaran Islam.

Keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum dan agama harus sentiasa dipelihara. Umat Islam perlu menghargai kepelbagaian budaya dan memanfaatkan perayaan-perayaan lain sebagai peluang untuk memperkukuh semangat perpaduan, muhibah, dan keharmonian yang sinonim dengan masyarakat majmuk di negara ini. Oleh itu, usaha berterusan harus dilakukan untuk menyemai, memupuk, dan mempertahankan semangat murni serta kerjasama antara kaum (Kementerian Wilayah Persekutuan, 2017).

Islam menganjurkan hubungan yang baik dengan masyarakat yang berbeza kepercayaan dan budaya secara berhikmah. Anjuran ini berasaskan firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl, ayat 125, yang merupakan perintah kepada umat Muhammad SAW untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan masyarakat lain (Azarudin Awang, 2017):

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan kaedah tinjauan literatur dan temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan pemahaman yang mendalam terhadap isu yang dikaji. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji meneroka pengalaman, persepsi dan kefahaman saudara baru secara lebih menyeluruh dalam konteks sambutan perayaan.

Pemilihan Responden

Seramai lima orang saudara baru (mualaf) telah dipilih sebagai informan kajian melalui kaedah persampelan bertujuan. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kriteria tertentu, iaitu individu yang mempunyai pengalaman menyambut perayaan selepas memeluk Islam serta terlibat dalam interaksi sosial dengan keluarga bukan Islam.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur yang dijalankan secara bersemuka. Sesi temu bual dilaksanakan dalam suasana santai dan tidak formal bagi mewujudkan keselesaan kepada informan untuk berkongsi pandangan secara terbuka dan jujur. Fokus temu bual adalah

terhadap aspek kefahaman akidah, cabaran dalam sambutan perayaan, serta bentuk interaksi sosial yang diamalkan.

Bagi menjaga kerahsiaan identiti, semua informan dilabelkan menggunakan kod seperti Informan 1 hingga Informan 5.

Dapatan Kajian

Pendidikan Akidah dalam Kehidupan Saudara Baru

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan akidah memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman serta tindakan saudara baru dalam kehidupan seharian. Kefahaman yang jelas terhadap konsep tauhid dan batasan agama membantu mereka membuat keputusan yang selari dengan ajaran Islam.

“Akidah penting sebab ia jadi panduan hidup. Bila saya dah belajar tentang tauhid, saya jadi lebih berhati-hati dalam setiap tindakan, termasuk dalam sambutan perayaan supaya tak bertentangan dengan Islam.”

(Informan 2)

“Ya, memang membantu. Bila saya faham akidah, saya lebih yakin dengan keputusan saya. Walaupun keluarga saya bukan Islam, saya tetap boleh jaga hubungan tanpa melanggar ajaran Islam.”

(Informan 3)

Petikan ini menunjukkan bahawa pendidikan akidah bukan sahaja meningkatkan kefahaman keagamaan, malah membentuk keyakinan diri dalam kalangan saudara baru. Mereka lebih mampu menilai sesuatu tindakan berdasarkan prinsip Islam serta menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial tanpa mengabaikan pegangan akidah. Dapatan ini selari dengan kajian Ain Nathasha et al. (2017) yang menegaskan bahawa pendidikan akidah yang berkesan membantu saudara baru memahami batas agama serta membuat keputusan yang tepat dalam kehidupan sosial mereka

Sambutan Perayaan Agama Asal Mualaf

Dapatan kajian mendapati bahawa sebahagian saudara baru masih terlibat dalam sambutan perayaan keluarga asal, namun penglibatan tersebut dilakukan dalam batas yang tidak bercanggah dengan syarak.

“Ada, saya balik juga. Biasanya kami makan bersama sahaja, dan makanan pun saya pastikan sesuai supaya semua orang boleh makan.”

(Informan 1)

“Saya tetap balik jumpa keluarga masa perayaan, tapi tak ada apa yang merisaukan sebab keluarga dah faham dan sediakan makanan yang sesuai untuk saya.”

(Informan 4)

“Saya juga pernah jemput keluarga bukan Islam datang ke rumah semasa hari raya, dan mereka boleh terima dengan baik.”

(Informan 4)

Dapatan ini menunjukkan bahawa saudara baru mengamalkan pendekatan sederhana dalam menyertai sambutan perayaan, iaitu dengan mengekalkan hubungan kekeluargaan tanpa terlibat dalam unsur ritual keagamaan. Mereka juga berusaha menyesuaikan amalan agar selari dengan tuntutan Islam.

Keadaan ini bertepatan dengan pandangan Basri (2010) yang menyatakan bahawa penglibatan umat Islam dalam perayaan bukan Islam adalah dibenarkan dalam konteks sosial, selagi tidak melanggar batas syarak. Hal ini turut disokong oleh Ahmad al-Syarbahi (t.th) yang menegaskan bahawa interaksi sosial seperti menghadiri majlis bersama rakan, jiran dan keluarga bukan Islam adalah diharuskan, dengan syarat tidak melibatkan unsur yang bercanggah dengan akidah seperti ritual keagamaan atau perkara yang diharamkan.

Permuafakatan Komuniti Saudara Baru

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa permuafakatan komuniti memainkan peranan penting dalam membantu saudara baru menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai Muslim. Sokongan daripada institusi dakwah dan komuniti membantu mengurangkan tekanan serta konflik yang dihadapi.

“Kami akan beri nasihat dan sokongan kepada mualaf, termasuk galakkan mereka terus berhubung dengan keluarga. Hubungan dengan keluarga tak boleh diputuskan, jadi kami bantu dari segi bimbingan dan ziarah.”

(Informan 5 – wakil institusi dakwah)

Petikan ini menunjukkan bahawa sokongan sosial yang berterusan membantu saudara baru mengekalkan hubungan kekeluargaan tanpa menjejaskan pegangan akidah. Pendekatan seperti ziarah dan bimbingan secara berhikmah menjadi medium penting dalam memperkukuhkan hubungan sosial.

Dapatan ini selari dengan kajian Aimi dan Nur Najwa (2019) yang mendapati bahawa sokongan sosial dan bimbingan akidah membantu saudara baru menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam masyarakat baharu. Di samping itu, peranan institusi dakwah seperti NGO juga penting dalam menyediakan ruang pendidikan dan perbincangan berkaitan isu sambutan perayaan (Nur Najwa et al., 2022).

Melalui program seperti kelas bimbingan dan modul pendidikan, saudara baru dapat memahami perbezaan antara adat dan ibadah, serta mengamalkan pendekatan yang seimbang dalam mengekalkan warisan budaya tanpa menjejaskan akidah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa akidah memainkan peranan penting dalam membimbing saudara baru dalam menyambut perayaan selari dengan ajaran Islam. Kefahaman yang jelas terhadap akidah membantu mereka menentukan batas penglibatan dalam perayaan tanpa menjejaskan hubungan sosial dengan keluarga dan masyarakat asal.

Di samping itu, sokongan komuniti dan institusi dakwah turut membantu saudara baru menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam persekitaran baharu. Oleh itu, permuafakatan dalam kalangan komuniti saudara baru perlu diperkukuhkan melalui pendidikan, bimbingan berterusan dan sokongan sosial agar mereka dapat menjalani kehidupan sebagai Muslim dengan lebih yakin dan harmoni.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada FRGS/1/2023/SS10/UITM/02/26 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan 600-RMC/FRGS 5/3 (053/2023) di bawah Universiti Teknologi Mara kerana menyediakan dana untuk penyelidikan yang dijalankan.

Rujukan

- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali. 2017. Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Ain Nathasha Omar, Mariam Abd. Majid, Noraini Mohamad. (2017). Penerimaan Mualaf Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP). Dalam *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD 2017)*, 117-129.
- Aimi Wafa Ahmad & Nur Najwa Hanani Abd Rahman. (2019). Sokongan Sosial: Satu Keperluan Dalam Pemeriksaan Saudara Baru. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 32(2), 45-56.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Hambali. (2017). Apresiasi dialog kehidupan berhikmah komuniti Cina Muslim di Terengganu. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 24(1), 1–22.
- Friend, M., & Cook, L. (2007). *Interaction: Collaboration skills for school professionals*. (5 th ed.). Boston, Allyn and Bacon.
- Gulson Begum Khalid. (2013). Amalan terbaik permuafakatan ibu bapa di sekolah program pendidikan khas masalah pembelajaran dari perspektif guru (PhD dissertation). Retrieved from Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- JAKIM Negeri Perlis. (2017). *Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-29/2017* yang bersidang pada 18-19 April 2017 bersamaan 21-22 Rejab 1438H. Diakses daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15493> pada 19 Februari 2025.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2011). *Dasar Akidah Islam*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Kamus Dewan Edisi Kelima. (2015). *Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur*.
- Kementerian Wilayah Persekutuan. (2017). *Teks Ucapan YB Dato' Dr. Shahidan Bin Kassim Sempena Rumah Terbuka Krismas Peringkat Wilayah Persekutuan*. Diakses daripada https://www.jwp.gov.my/images/Teks_Ucapan/2017/Teks%20Ucapan%20Rumah%20erbuka%20Krismas%202017.pdf pada 17 Januari 2025.
- Muhammad Shahrulnizam Muhadi. (2021). *Rahmat Allah itu luas, tapi mengapa orang bukan Islam diazab di akhirat kelak?* Diakses daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/4668-al-afkar-112-rahmat-allah-itu-luas-tapi-mengapa-orang-bukan-islam-diazab-di-akhirat-kelak>.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Hazny Saleh, Mohammad Naqib Hamdan, Akmaliza Abdullah, Nasiibah Ramli, Nurul Hawariah Taufek. (2022). Peranan NGO Pertubuhan Jaringan Harmoni Dalam Komuniti Memperkasa Saudara Kita Di Johor Dalam Aspek Sokongan Sosial. *AL-TURATH JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH*, 7(2), 21-30.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *Sambut Hari Raya Sebulan Itu Bid'ah?* Diakses daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3499-al-kafi-1296-sambut-hari-rama-sebulan-itu-bid-ah>.
- Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim). (2021). *Akidah Tahap Asas Edisi Pertama*. Sarjana Media Sdn. Bhd.
- Sayed Sabiq. 2011. *Al-aqa'id al-Islamiyyah*. Terj. Terengganu: Rangkaian Berkat Sdn Bhd & Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd.

Siti Sa'adiyah Shafik & Nor Suhaily Abu Bakar. (2009). *Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam. Jurnal Isi-Am dan Masyarakat Kontemporari*, 2, 21-101.